Kumpulan Perkhidmatan	Aras	Mata PBU	Keterangan
Gred 27 - 40 Mata minimum 42	I	<42	Tidak mencapai mata minima
	II	≥42	Capai mata minimum + tidak melengkapkan laporan kursus
	III	≥42	Capai mata minima + melengkapkan laporan kursus
	IV	≥42	Mencapai Aras III + Lulus dengan cemerlang dalam penilaian Kaedah penilaian: Tugasan dan Persembahan (Penilaian dijalankan oleh Panel yang dilantik oleh Ketua Sektor yang berkenaan)

Kumpulan Perkhidmatan	Aras	Mata PBU	Keterangan
Gred 17 - 26 Mata minimum 42	I	<42	Tidak mencapai mata minima
	II	≥42	Capai mata minimum + tidak melengkapkan laporan kursus
	III	≥42	Capai mata minima + melengkapkan laporan kursus
	IV	≥42	Mencapai Aras III + Lulus dengan cemerlang dalam penilaian Kaedah penilaian: Tugasan dan Persembahan (Penilaian dijalankan oleh Panel yang dilantik oleh Ketua Sektor yang berkenaan)

Kumpulan Perkhidmatan	Aras	Mata PBU	Keterangan
Gred 1 - 16 Mata minimum 42	I	0 - 20	Tidak mencapai mata minima
	II	≥ 42	Tidak mencapai mata minima
	III	42	Capai mata minima PBU+ melengkapkan laporan kursus
	IV	≥42	Melepasi Aras III dan Lulus dengan cemerlang dalam temuduga Kaedah penilaian: Temuduga (Penilaian dijalankan oleh Panel yang dilantik oleh Ketua Sektor yang berkenaan)

2) Akademik

Kumpulan Perkhidmatan	Aras	Mata PBU	Keterangan
Gred DG 41 - 54 **Gred DS 45 - 54**	I	< 42	Tidak mencapai mata minima
	II	≥ 42	Capai mata minima dan tidak melengkapkan laporan kursus
	III	≥ 42	Capai mata minima dan melengkapkan laporan kursus
	IV	≥ 42	Melepasi Aras III dan Lulus dengan cemerlang dalam penilaian

Catatan

Kaedah penilaian: Tugasan dan Pembentangan (Penilaian dijalankan oleh Panel yang dilantik oleh Ketua Sektor PBU yang berkenaan)/ Penilaian oleh Panel MKW penentuan aras hanya diberi setelah staf berkenaan memenuhi 42 mata.

6.0 STRUKTUR LATIHAN DI BAWAH PELAKSANAAN PBU

6.1 Pelaksanaan latihan di bawah PBU menekankan kepada dua (2) kompetensi iaitu generik dan fungsional.

6.2 Bagi tujuan pelaksanaan program PBU peringkat permulaan komponen generik dan fungsional untuk setiap skim perkhidmatan tidak diberi penekanan lagi tetapi perkara ini akan dilaksanakan pada tahun kedua pelaksanaan PBU UUM.

7.0 PEMANTAUAN

7.1 Pemantauan perlu dilaksanakan dari masa ke semasa melibatkan staf sendiri, ketua jabatan dan Unit Latihan. Pemantauan pengumpulan mata perlu dilaksanakan dua (2) kali setahun (Jun dan November).

7.2 Pemantauan tahunan keperluan latihan akan mengambilkira cadangan keperluan latihan individu dan keperluan latihan jabatan.

7.3 Pihak Audit akan menjalankan pengauditan bagi memastikan prosedur dan kualiti latihan dilaksanakan.

7.4 Aspek-aspek yang akan diaudit oleh Audit PBU adalah:

- Perancangan latihan
- Kandungan Kursus
- Standard pencapaian keputusan aras
- Mata kredit PBU